



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBENTUKAN MODEL APLIKASI DNA BOLA
SEPAK MALAYSIA TERHADAP PRESTASI
PEMAIN BAWAH 16 TAHUN LELAKI
MSSM KEDAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HADI SYAHMI BIN HAMZAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBENTUKAN MODEL APLIKASI DNA BOLA SEPAK
MALAYSIA TERHADAP PRESTASI PEMAIN BAWAH
16 TAHUN LELAKI MSSM KEDAH**

HADI SYAHMI BIN HAMZAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 7 Oktober 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, Hadi Syahmi Bin Hamzah, M20202001237 dari Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pembentukan Model Aplikasi Dna Bola Sepak Malaysia Terhadap Prestasi Pemain Bawah 16 Tahun Lelaki Mssm Kedah adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Zulakbal Bin Abd Karim dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pembentukan Model Aplikasi Dna Bola Sepak Malaysia Terhadap Prestasi Pemain Bawah 16 Tahun Lelaki Mssm Kedah dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan

15 Januari 2026

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk/Title: PEMBENTUKAN MODEL APLIKASI DNA BOLA SEPAK MALAYSIA
TERHADAP PRESTASI PEMAIN BAWAH 16 TAHUN LELAKI MSSM KEDAH

No. Matrik /*Matric's No.*: M20202001237

Saya/I: HADI SYAHMI BIN HAMZAH membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/ CONFIDENTIAL


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/ RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


PROFESOR MADYA DR ZULAKBAL BIN ABD KARIM
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor) & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35000 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan
No. Telefon : 250411010 / 250411049
Email : zulakbal@fsskj.upsi.edu.my

Tarikh: 15 Januari 2026

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkekuasaan organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT @ TERHAD** dan dengan menyertakan alasan. / *Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction*



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kerana dengan kehendak-Nya jua kajian bagi memenuhi keperluan tesis Ijazah Sarjana Sains Sukan dan Kejurulatihan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh yang dirancangan. Ucapan terima yang tidak terhingga saya tujukan kepada semua pihak yang membantu dalam melaksanakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung kerana tanpa kerjasama yang dihulurkan penulisan ini tidak akan dapat diselesaikan tepat pada masanya. Melalui ruangan ini juga saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga khusus kepada Prof. Madya Dr. Zulakbal B. Abd Karim dan Prof. Madya Dr. Nur Ikhwan Bin Muhamad, penyelia bagi kajian ini yang amat berdedikasi dan sentiasa bersedia memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan tanpa jemu. Sesungguhnya luahan kata-kata semangat dan kepercayaan yang diberikan, mencetuskan motivasi untuk terus berusaha menyiapkan penulisan ini meskipun banyak masa dan pengorbanan yang perlu dipertaruhkan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga tercinta Norlida Binti Danial, Hamzah Bin Abdul, isteri Nor Syawalni Binti Othman, Umar Hafiy dan Luth Hafiy kerana memahami masa yang banyak dihabiskan untuk kajian ini. Kepada sahabat-sahabat seperjuangan di UPSI sesungguhnya kalian Allah telah hadirkan untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya bagi menghabiskan kajian ini. Segala jasa dan budi mereka hanya Allah sahaja mampu membalasnya. Akhir sekali kepada semua pensyarah Pusat Pengajian Sains Sukan dan Kejurulatihan UPSI dan semua warga sekolah di Kedah, jasa kalian akan dikenang sehingga akhir hayat, Insya Allah. Semoga Allah swt sentiasa melindungi hamba-hambaNya yang cintakan ilmu dan kebaikan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membentuk satu model aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia yang berkesan terhadap prestasi pemain bawah 16 tahun lelaki MSSM Kedah dengan menggunakan pendekatan kajian mixed method melalui reka bentuk exploratory. Seramai 8 orang jurulatih daripada kalangan guru telah ditemu bual untuk mendapatkan data kualitatif, manakala 88 orang pemain bawah 16 tahun terlibat dalam soal selidik kuantitatif. Pemilihan peserta kualitatif berdasarkan prinsip saturation of information, di mana maklumat yang diperoleh tidak lagi menghasilkan data baharu. Data kualitatif dianalisis menggunakan kaedah thematic analysis (Patton, 2002), manakala data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27. Dapatan kualitatif telah menghasilkan tiga tema utama iaitu kompetensi jurulatih, pengurusan jurulatih dan kepimpinan jurulatih, yang menjadi asas dalam pembentukan model aplikasi DNA bola sepak. Dapatan kuantitatif pula menyokong tema ini melalui penilaian pemain terhadap aspek-aspek penting aplikasi DNA bola sepak: karakter jurulatih menunjukkan tahap sangat tinggi ($M=4.28$, $SD=0.27$), diikuti dengan motivasi ($M=4.03$, $SD=0.25$) dan teknik ($M=3.98$, $SD=0.27$) pada tahap tinggi. Aspek lain seperti pengetahuan ($M=3.20$, $SD=0.25$), strategi ($M=3.21$, $SD=0.14$), disiplin ($M=3.30$, $SD=0.29$), serta cabaran ($M=3.23$, $SD=0.36$) berada pada tahap sederhana. Keseluruhannya, kajian ini mencadangkan satu model aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia yang holistik, yang bukan sahaja menekankan elemen teknikal, malah aspek sahsiah, kepimpinan dan pendekatan pedagogi jurulatih. Model ini berpotensi untuk meningkatkan prestasi pemain muda dan menyumbang kepada pembangunan berterusan pemain bola sepak di Malaysia.





DEVELOPMENT OF A MODEL FOR THE APPLICATION OF THE MALAYSIAN FOOTBALL DNA ON THE PERFORMANCE OF UNDER-16 MALE PLAYERS IN MSSM KEDAH

ABSTRACT

This study aims to develop an effective Malaysian Football DNA application model to enhance the performance of under-16 male football players representing MSSM Kedah, employing a mixed-methods approach through an exploratory research design. A total of eight coaches, selected from among school teachers, were interviewed to gather qualitative data, while 88 under-16 players participated in a quantitative survey. The selection of qualitative participants was based on the principle of data saturation, whereby no new information emerged from further interviews. Qualitative data were analysed using thematic analysis (Patton, 2002), while quantitative data were analysed using SPSS version 27. The qualitative findings identified three key themes: coach competency, coach management, and coach leadership, which served as the foundation for the development of the Football DNA application model. The quantitative results supported these themes, as reflected in players' evaluations of critical elements within the Football DNA framework. Coach character was rated at a very high level ($M = 4.28$, $SD = 0.27$), followed by motivation ($M = 4.03$, $SD = 0.25$) and technique ($M = 3.98$, $SD = 0.27$), both at high levels. Other components—such as knowledge ($M = 3.20$, $SD = 0.25$), strategy ($M = 3.21$, $SD = 0.14$), discipline ($M = 3.30$, $SD = 0.29$), and issues and challenges ($M = 3.23$, $SD = 0.36$)—were rated at moderate levels. In conclusion, this study proposes a holistic model of the Malaysian Football DNA application that emphasises not only technical skills but also the character, leadership, and pedagogical approaches of coaches. The model holds significant potential for enhancing the performance of young footballers and contributing to the long-term development of football talent in Malaysia.



KANDUNGAN

	Page
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
DISERTASI PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	19
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	22
1.8 Batasan Kajian	23

1.9 Definisi Operasional 24

1.10 Rumusan 26

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 28

2.2 Pengetahuan 29

2.3 Sumber Pengetahuan 31

2.4 Bentuk Latihan 33

2.5 Jurulatih 34

2.6 Proses Kejurulatihan 38

2.7 Kompetensi Kejurulatihan 41

2.8 Keberkesanan Kejurulatihan 46

2.9 Cabaran Jurulatih 51

2.10 Kerangka Teoritikal Kajian 53

2.10.1 Model Lima Komponen Kejurulatihan Pakar
(Nash dan Collins, 2006) 53

2.10.2 Model Kejurulatihan Lyle (2002) 55

2.10.3 Pembentukan Model Kejurulatihan (Bennie dan
O'Connor, 2011) 56

2.10.4 Rumusan Kerangka Teoritikal 59

2.11 Rumusan 60

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 61

3.2 Reka Bentuk Kajian 61

3.2.1 Justifikasi Penggunaan Kaedah Gabungan. 65

3.3 Populasi Kajian 68

3.4 Sampel Kajian 69

3.4.1 Persampelan untuk Kajian Kualitatif. 70

3.4.2	Persampelan untuk kajian kuantitatif	71
3.5	Instrumen Kajian	72
3.6	Kesahan	76
3.6.1	Kesahan Kualitatif	76
3.6.2	Kesahan Kuantitatif	79
3.7	Kebolehpercayaan	81
3.7.1	Kebolehpercayaan Kualitatif	81
3.7.2	Kebolehpercayaan Kuantitatif	83
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	84
3.8.1	Pentadbiran Kajian	84
3.8.2	Pengumpulan Data	86
3.8.2.1	Temu Bual	86
3.8.2.2	Pemerhatian dan Analisis Dokumen	89
3.8.2.3	Soal Selidik	90
3.9	Prosedur Menganalisis Data	91
3.10	Rumusan	96
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	98
4.2	Peserta Kajian	100
4.3	Kebolehpercayaan Instrumen Temu bual- Cohen Kappa (1960)	103
4.4	Analisis Data	104
4.5	Dapatan Kualitatif Analisis Tematik	107
4.5.1	Kompetensi	107
4.5.2	Pengurusan	113

4.5.3	Kepimpinan	119
4.6	Kebolehpercayaan Tema	122
4.7	Dapatan Kuantitatif Analisis Deskriptif	123
4.7.1	Maklumat Profil Responden	123
4.7.2	Dapatan Deskriptif Konstruk	125
4.7.3	Analisis Deskriptif	126
4.8	Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik.	128
4.9	Dapatan Menjawab Persoalan Kajian	130
4.9.1	Dapatan Persoalan Kajian Yang Pertama.	131
4.9.2	Dapatan Persoalan Kedua	143
4.9.3	Dapatan Persoalan Kajian yang Ketiga	147
4.9.4	Dapatan Persoalan Kajian Keempat	152
4.10	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data Dan Model- Cohen Kappa (1960)	155
4.11	Rumusan	156

BAB 5 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	157
5.2	Ringkasan Kajian	157
5.3	Perbincangan	158
5.3.1	Pengetahuan dan Sumber Pengetahuan Jurulatih	159
5.3.2	Bentuk Latihan	164
5.3.3	Cabaran	168
5.3.4	Pembentukan Model Aplikasi Dna Bola Sepak Malaysia Terhadap Prestasi Pemain Bawah 16 Tahun Lelaki Mssm Kedah	174
5.3.4.1	Jurulatih	174

5.3.4.2	Kompetensi	176
5.3.4.3	Pengurusan	178
5.3.4.4	Kepimpinan	180
5.3.4.5	Sinergi Tiga Komponen	183
5.4	Implikasi Kajian	185
5.4.1	Implikasi Dari Segi Bidang Ilmu	185
5.4.2	Implikasi Dari Segi Model	187
5.4.3	Implikasi Dari Segi Praktik	188
5.4.4	Implikasi Dari Segi Metodologi Kajian	190
5.4.5	Implikasi Dari Segi Pembangunan Bola Sepak	192
5.5	Batasan Kajian	194
5.6	Cadangan Kajian	196
5.7	Rumusan	200
	RUJUKAN	204
	LAMPIRAN	235

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
3.1	Contoh soalan temu bual yang akan dijalankan	73
3.2	Contoh beberapa instrumen soal selidik bagi konstruk pengetahuan yang menggunakan skala likert lima mata yang digunakan (Mimmert & Harvey, 2008).	75
3.3	Kaedah Analisis Data	96
4.1	Latar Belakang Kejurulatihan dan Demografi Peserta Kajian	100
4.2	Maklumat Bilangan Soal Selidik Dan Kadar Sambutan	103
4.3	Nilai Persetujuan Cohen Kappa (1960) soalan temu bual secara penjadualan silang	104
4.4	Pemilihan Tema Utama	106
4.5	Pengiraan Cohen Kappa bagi data kualitatif	123
4.6	Maklumat Profil Responden (n=88)	124
4.7	Tahap Skor Min Skala Lima Mata dan Interpretasinya	125
4.8	Analisis statistik deskriptif	126
4.9	Jadual Interpretasi Skor Alpha Cronbach (Bond & Fox, 2015)	128
4.10	Ringkasan penilaian analisis Cronbach's Alpha	129
4.11	Pengiraan Cohen Kappa bagi data dan model	156



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	21
2.1	Kerangka Teoritikal Kajian	59
3.1	Reka Bentuk Ekploratori ilustrasi kaedah gabungan (Cresswell & Plano Clark, 2011)	63
4.1	Model aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia terhadap prestasi pemain bawah 16 tahun lelaki MSSM Kedah	153



SENARAI SINGKATAN

AFC	Asian Football Confederation
ASC:NCAS	Australian Sports Commission: National Coaching Accreditation Scheme
BP	<i>Ball Possesion</i>
BPO	<i>Ball Oposite Possesion</i>
DNA	<i>Deoxyribo Nucleic Acid</i>
FAM	Football association Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MSSM	Majlis Sukan Sekolah Malaysia
NFDP	<i>National Football Development Programme</i>
PLD	Program Latihan Daerah
PPBN	Program Pembangunan bola sepak negara
SSG	<i>Small sided games</i>
SSPS	<i>Statiscal Packages For The Social Science</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Demografi Temubual
- B Borang Demografi Soal Selidik
- C Surat Kebenaran Etika Penyelidikan
- D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (UPSI)
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (KPM)
- F Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (JPN)
- G Surat Pelantikan Pakar Penilai
- H Contoh Transkrip Temubual Peserta Kajian
- I Contoh Nota Lapangan Penyelidik
- J Contoh Soal Selidik Peserta Kajian
- K Contoh Pengekodan Dan Tema Awal Temu Bual
- L Contoh Pengekodan Dan Tema Awal Nota Lapangan
- M Contoh Kaedah Analisis Data Tematik
- N Contoh Borang Nilai Persetujuan Pakar Kesahan Data Dan Model
- O Contoh Program Latihan



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bola sepak merupakan sukan berpasukan yang popular di dunia amnya. Malah secara khususnya, sukan nombor satu di negara Malaysia. Sungguhpun liga bola sepak di negara kita tidak terkenal dan gah seperti Liga Perdana Inggeris, Liga Perancis, Liga German, Liga Itali, Liga Sepanyol dan Liga dari sekitar Asia seperti Jepun dan Korea sendiri. Perkembangan sukan ini di negara khusunya berkait rapat dengan prestasi pemain tersebut. Hal ini, menunjukkan prestasi pemain menentukan kemajuan bola sepak negara kita. Menyentuh tentang prestasi pemain, suka dinyatakan bahawa kompetensi jurulatih dan program pembangunan mempengaruhinya. Negara kita telah melancarkan DNA Bola Sepak Malaysia pada tahun 2018 atau dikenali F30. Hal ini memerlukan prestasi pemain perlulah mengikut falsafah bola sepak negara. Oleh itu, penekanan jurulatih program pembangunan perlu dititikberatkan supaya DNA Bola Sepak Malaysia kita dapat di terapkan dalam diri pemain sekaligus mempengaruhi prestasi pemain tersebut.





Kajian ini bertujuan untuk meneroka keberkesanan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia, satu pendekatan strategik yang diperkenalkan pada tahun 2018 oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) melalui pelan induk F:30. DNA Bola Sepak Malaysia ini dilancarkan dengan matlamat utama untuk membentuk identiti permainan bola sepak negara yang konsisten dan kompetitif dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat profesional. Program ini merangkumi pelbagai elemen penting, termasuk falsafah permainan, pendekatan latihan, dan kaedah pembangunan pemain yang diselaraskan bagi melahirkan pemain berkualiti dan membina pasukan negara yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Dalam konteks ini, keberkesanan aplikasi DNA ini menjadi aspek penting dalam menilai sejauh mana pembangunan bola sepak di peringkat sekolah.



peranan penting dalam pembangunan kerjaya dan peribadi pemain. Mereka mendefinisikan jurulatih sebagai agen perubahan yang membantu pemain mencapai potensi terbaik mereka melalui pembangunan diri, pertumbuhan profesional, dan pembentukan karier yang seimbang (Al Hilali et al., 2020). Dalam konteks ini, jurulatih bukan sahaja bertanggungjawab dalam aspek teknikal, tetapi juga dalam membentuk motivasi, disiplin, dan daya tahan pemain dalam menghadapi cabaran di dalam dan luar padang.

Baker (2017) pula menyatakan bahawa keberkesanan seorang jurulatih bergantung kepada pendidikan dan latihan yang diperolehinya. Jurulatih yang kompeten memiliki pengetahuan mendalam tentang taktik, strategi, dan psikologi sukan yang mampu diaplikasikan untuk mencapai tahap prestasi pemain yang optimum.





Baker turut menekankan bahawa keberkesanan ini merangkumi kemahiran sosial dan komunikasi yang mampu memupuk semangat berpasukan dan keyakinan dalam diri pemain (Baker, 2017). Penekanan ini selari dengan DNA Bola Sepak Malaysia yang bertujuan untuk membentuk pemain berdaya saing, berdisiplin, dan mempunyai mentaliti juara.

Di samping itu, dalam aspek pencarian bakat dan pembangunan pemain muda, Week (2020) menyatakan bahawa bakat adalah potensi unik yang dimiliki oleh individu untuk mencapai kecemerlangan dalam jangka masa panjang. Beliau menekankan bahawa program pembangunan yang berstruktur dan sistematik dapat mengenalpasti dan mengasah bakat pemain-pemain muda supaya mereka mencapai tahap tertinggi yang mampu mereka capai. Di Malaysia, program seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) berusaha untuk mengesan bakat pemain sejak usia muda dengan harapan dapat melahirkan pemain yang memenuhi standard antarabangsa (Week, 2020).

Menurut Graeme Carrick (2017) jurulatih pembangunan belia England menyatakan bahawa mereka masih kanak-kanak dan masih berkembang dan masih belum dewasa. Oleh itu, sangat penting orang dewasa khususnya jurulatih menyediakan persekitaran yang baik untuk berkembang dan sesuai dengan tahap perkembangan mereka. Ia sangat penting bahawa keberkesanan DNA bola sepak terhadap prestasi permainan mereka. DNA Bola Sepak Malaysia perlu diikuti untuk kita lebih berdaya saing dan melahirkan lebih ramai pemain terbaik pada masa depan. DNA Bola Sepak Malaysia sebagai buku panduan kepada pemain, jurulatih dan tenaga pengajar jurulatih





dari peringkat bawah. Oleh itu, usaha keras perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti dalam latihan, jurulatih dan pembangunan pemain.

Visi dan Falsafah adalah kunci untuk perkembangan pemain dan jurulatih. Pendekatan dalam falsafah bola sepak negara seperti yang digariskan dalam *Roadmap* FAM atau dikenali sebagai F:30 akan memudahkan jurulatih melaksanakan di setiap peringkat khususnya dalam peringkat pembangunan. Melahirkan pemain muda berkelas dunia perlu mengambil masa yang lama. Oleh itu, pemain yang lebih baik dibimbing oleh jurulatih yang bagus dan mempunyai kemahiran serta pendidikan yang baik. DNA Bola Sepak Malaysia akan melahirkan pemain yang berkualiti pada tahap yang lebih tinggi. Visi dan Falsafah untuk Malaysia dikemaskini dengan trend semasa yang mana negara maju yang lain sudah lama bermula dan berjaya. Perkembangan ini sepatutnya sesuai untuk memudahkan amalan terbaik dalam semua peringkat belia yang berbeza dan sesuai dengan budaya dan kekuatan Malaysia.

Kesimpulannya, sama ada individu ataupun kumpulan, kejurulatihan adalah cara untuk membina integrasi kerja dalam program pembangunan supaya dapat memberi keberkesanan yang positif kepada DNA Bola Sepak Malaysia. Kompetensi jurulatih diperlukan serta Visi dan Falsafah dalam bagaimana bermain dan pembangunan pemain. Dengan Kompetensi yang ada, jurulatih mampu melahirkan pemain berkualiti melalui peringkat umur berbeza dan mencipta pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan untuk pemain muda hari ini tanpa mengira tahap mereka dan seterusnya dapat memberi keberkesanan DNA Bola Sepak Malaysia. Oleh itu, kajian keberkesanan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia terhadap prestasi pemain bola sepak lelaki bawah 16 tahun MSSM Kedah. Di dalam bab ini, secara tidak





langsung akan membincangkan berkenaan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, rangka konseptual kajian, dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Negara-negara yang paling berjaya di dunia dan di Asia seperti Jerman, Sepanyol, Jepun dan Korea mempunyai satu perkara yang sama, dimana mereka sudah mula bekerja bertahun-tahun lalu dengan cara dan DNA yang tersendiri untuk membangunkan pemain dan corak bola sepak sendiri. Perkara ini jelas hanya dapat dilaksanakan melalui pendidikan jurulatih yang memiliki pengetahuan mendalam tentang DNA Bola Sepak.. Negara-negara ini mengembangkan DNA bola sepak mereka sendiri melalui pendidikan jurulatih daripada akar umbi lagi. Menurut Karim (2016) menyatakan pendidikan jurulatih memberi peluang kepada jurulatih membina pengetahuan, perkara ini seiring dengan DNA Bola Sepak Malaysia dalam meningkatkan prestasi pemain.

Latar belakang "DNA bola sepak Malaysia" atau *Malaysia Football DNA* berakar daripada usaha untuk membina identiti, gaya permainan, dan strategi pembangunan yang unik bagi bola sepak di Malaysia. Konsep ini muncul kerana kesedaran bahawa bola sepak Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih terancang dan fokus jangka panjang untuk bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa. DNA bola sepak Malaysia bertujuan memberikan asas yang membimbing setiap pemain, jurulatih, dan pengurusan bola sepak dalam mewujudkan falsafah permainan yang konsisten, berkesan, dan sesuai dengan ciri pemain tempatan.





Bagi melahirkan ahli sukan bertaraf antarabangsa, kajian-kajian mengesyorkan bahawa kanak-kanak yang berbakat hendaklah digilap sejak di peringkat sekolah lagi oleh jurulatih yang berkelayakan (Anuar Din, Salleh & Siti Ajar, 2015; Asiah, Nazmizan & Hanipah, 2019; Deraman, Daud, & Samad, 2017; Kementerian Belia & Sukan, 1988; Santos, Corte, Regueiras, Dias, Martinek, & Fonseca, 2019). Nama-nama seperti Lee Chong Wei adalah merupakan contoh untuk menyatakan bahawa latihan khusus dan berterusan sejak zaman kanak-kanak adalah signifikan kepada proses pembentukan ahli sukan bertaraf antarabangsa yang memerlukan pendekatan yang sistematik dan bersepadu (Nazarudin, Lee, Noordin, Abdullah, & Md Yusof, 2017)

Ini menunjukkan seseorang pemain dan pemain bertaraf antarabangsa diberi latihan intensif dan berterusan bermula dari kanak-kanak supaya kemahiran meningkat dan sentiasa bertenaga kerana sesi perlawanan memakan masa yang panjang sehingga melampaui dua jam. Aktiviti-aktiviti ini boleh dilakukan oleh jurulatih yang bertaualiah secara berterusan hingga sesebuah pasukan mencapai kejayaan (Karim, 2017; Milkyas Bassa, 2012; Naseer, Mughal & Javed, 2020).

Pada 31 Oktober 2018 Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telah melancarkan satu *Roadmap FAM* yang diberi nama F:30. Peta hala tuju ini bertujuan akan menjadi antara pasukan bola sepak terbaik di Asia dalam menjelang 2030. Di dalam *roadmap* tersebut dibahagikan kepada tiga pelan strategik iaitu fasa 1 (2019-2022) untuk membina asas yang kukuh, fasa 2 (2023-2026) mencapai peringkat asia, dan akhir sekali fasa 3 (2027-2030) yang bertujuan melahirkan pasukan kebangsaan bertaraf dunia. Perkara yang menarik terdapat di dalam tonggak pembangunan di dalam Roadmap FAM fasa pertama ialah konsep DNA atau 'Cara Malaysia' akan diangkat sebagai falsafah bola





sepak negara. Oleh itu, FAM menyelaraskan semula semua kursus lesen kejurulatihan agar jurulatih yang akan dibentuk dan dilahirkan selari dengan falsafah bola sepak negara yang ditetapkan itu. Apabila jurulatih yang memahami konsep serta falsafah bola sepak negara, maka para pemain yang akan dibangunkan akan mampu mengikuti konsep 'Cara Malaysia'.

Melalui saranan yang terdapat dalam *roadmap* bola sepak Malaysia menunjukkan jurulatih diperingkat pembangunan tidak terkecuali dan menjadi asas dalam menjayakan DNA bola sepak Malaysia. Oleh yang demikian, jurulatih pembangunan perlu memainkan peranan yang penting dan jelas untuk melaksanakan dengan kompetensi yang ada dalam meningkatkan prestasi pemain. Cadangan penyelidikan ini diharapkan dapat memberi gambaran yang sebenar dan jelas berkaitan keberkesanan DNA bola sepak Malaysia terhadap prestasi pemain bola sepak. Dapatan kajian juga diharapkan dapat membantu dalam bidang kejurulatihan bola sepak remaja.

Jurulatih bertauliah ini dilantik bukan sahaja untuk mengendalikan sesi latihan tetapi dalam masa yang sama berperanan sebagai pemimpin pasukan. Sebagai seorang jurulatih, peranannya ialah mempengaruhi pemain supaya melakukan tindakan sebagaimana yang ditetapkan (DNA bola sepak) bertujuan untuk mencapai matlamat pasukan yang ditetapkan bersama. Dalam pasukan, Fakrul, Nazarudin, dan Manaf (2022) menjelaskan jurulatih mempunyai pengaruh kepada pencapaian pemain melalui penggunaan maklum balas positif, latihan yang disesuaikan dengan keperluan atlet, motivasi dan sokongan sosial. Nurhasni, Hassan, Soh, dan Seruti (2019) juga menyatakan bahawa tingkah laku jurulatih boleh mempengaruhi penglibatan pemain dalam sukan dan juga kejayaan mereka. Wang (2006) menegaskan bahawa jurulatih





bagi pasukan adalah sama peranannya dengan kepimpinan dalam organisasi, iaitu menjalankan fungsi dan tugas yang sama. Stammers dan George (2016) pula menyimpulkan bahawa kepimpinan jurulatih sangat penting untuk mencapai kejayaan dalam sukan.

Modul kursus kejurulatihan lessen D,C,B dan A AFC/FAM telah berubah mengikut DNA bola sepak Malaysia. Melalui modul tersebut, penyelidik didedahkan dengan DNA Bola Sepak Malaysia. Berdasarkan DNA tersebut, pasukan harus menguasai permainan dan pemain perlu berada dalam kedudukan menjaringkan gol sebaliknya mencegah pihak lawan untuk menjaringkan gol dan seterusnya objektif menang tercapai. Peserta kursus di dedahkan dengan dengan empat fasa penting dalam permainan iaitu fasa 1 penguasaan bola (BP), fasa 2 penguasaan pasukan lawan (BPO), fasa 3 peralihan dari BP ke BPO, dan fasa 4 peralihan dari BPO ke BP. Oleh itu, jurulatih perlu meningkatkan kompetensi mereka untuk mencapai falsafah bola sepak negara bermula dari peringkat akar umbi lagi.

Program Pembangunan Bola Sepak Negara Malaysia (PPBN) juga dikenali sebagai NFDPM Malaysia diambil singkatan nama dari bahasa inggeris (*National Football Development Programme of Malaysia*) adalah merupakan sebuah program khusus pembangunan bola sepak di Malaysia mengikut DNA Bola Sepak Malaysia. Ianya terdapat di seluruh pelusuk negara yang melibatkan beberapa jurulatih yang didedahkan dengan DNA Bola Sepak Malaysia. Oleh itu, penyelidik melakukan kajian berkaitan keberkesanan DNA Bola Sepak Malaysia terhadap prestasi pemain bola sepak bawah 16 tahun MSSM Kedah.





Kajian-kajian mendapati jurulatih merupakan orang yang boleh menentukan corak orientasi pencapaian pemain supaya mempunyai semangat juang yang tinggi, bersikap positif, dan mampu bersaing ke peringkat yang lebih jauh (Asiah, Nazmizan dan Hanipah, 2019). Jurulatih memainkan peranan yang positif membentuk orientasi pencapaian kepada pemain dan pemain semasa mereka bersukan dan bertanding sejak dari kecil (Ingrell, Johnson, & Ivarsson, 2019). Orientasi pencapaian memainkan peranan penting untuk meningkatkan prestasi pemain dan pemain semasa bertanding apabila setiap pemain mempunyai mentaliti kemenangan (Çepikkurt, & Kale, 2019). Oleh itu, jurulatih merupakan individu mencorakkan prestasi pemain berpandukan DNA Bola Sepak Malaysia.

Pembangunan akar umbi dalam bola sepak di peringkat sekolah adalah kritikal untuk membentuk bakat pemain muda dan menyediakan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Melalui pendekatan yang berstruktur dan sokongan daripada komuniti, pelajar dapat dibangunkan bukan sahaja sebagai atlet, tetapi juga sebagai individu yang mempunyai disiplin dan mentaliti juang yang kuat. Pembangunan bola sepak di peringkat sekolah adalah langkah awal yang penting untuk membentuk bakat pemain muda. Melalui program yang berstruktur seperti DNA bola sepak Malaysia, sekolah-sekolah dapat membina asas yang kukuh bagi pemain muda untuk berkembang menjadi atlet yang berdaya saing di peringkat yang lebih tinggi. Côté dan Fraser (2019) menyatakan bahawa pembangunan akar umbi yang berstruktur adalah kunci dalam mengenalpasti dan membangunkan bakat sukan. Mereka menekankan kepentingan program di peringkat sekolah untuk mencipta asas yang kukuh bagi potensi atlet muda. Kajian ini memberikan bukti penting tentang





keberkesanan program pembangunan yang berfokus pada akar umbi dalam mencapai matlamat tersebut.

Secara keseluruhan, keberkesanan jurulatih dalam bola sepak Malaysia adalah faktor yang tidak boleh diabaikan. Kajian mengenai keberkesanan jurulatih ini bukan sahaja dapat memberikan panduan untuk pengembangan bakat bola sepak di Malaysia, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian yang lebih baik di peringkat domestik dan antarabangsa. Melalui pemahaman yang mendalam tentang keberkesanan jurulatih, kita dapat memastikan masa depan bola sepak Malaysia lebih cerah dan berdaya saing. Dengan mempertingkatkan keberkesanan jurulatih, kita tidak hanya menghasilkan pemain yang lebih baik, tetapi juga membangunkan sukan bola sepak secara keseluruhan, menjadikannya sebagai satu platform untuk membina disiplin, kerja berpasukan, dan nilai-nilai positif dalam masyarakat.

Kajian berbentuk *mixed method* membolehkan penyelidik meluangkan masa di lapangan untuk menemu bual dan membuat soal selidik bagi mengumpul data untuk tujuan penyelidikan. Sehubungan itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia terhadap prestasi pemain bola sepak bawah 16 tahun MSSM Kedah. Adakah keberkesanan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia dapat meningkatkan prestasi pemain bola sepak bawah 16 tahun MSSM Kedah.





1.3 Penyataan Masalah

Dalam kejohanan peringkat Asia bawah umur 14 tahun pada tahun 2014 pasukan Malaysia gagal melayakkan diri ke peringkat seterusnya apabila sekadar bersaing di peringkat awal iaitu peringkat kumpulan (Persekutuan Bola Sepak Asia, 2019). Ini menunjukkan prestasi pemain tidak memuaskan dan mengecewakan banyak pihak. Keadaan kemerosotan ini jika dibiarkan akan menjadi lebih parah. Oleh itu usaha untuk mengenal pasti punca masalah perlu dikenal pasti dengan menjalankan kajian yang berkaitan.

Berdasarkan rekod kejohanan MSSM dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini (2022–2024), pasukan bawah 18 tahun Kedah gagal melangkah ke peringkat separuh akhir. Perbincangan awal bersama pegawai dan pemerhatian di sesi latihan pula menunjukkan wujudnya kekangan dari aspek kompetensi jurulatih, termasuk kurangnya pendedahan kepada pendekatan latihan moden dan penggunaan teknologi dalam pembangunan pemain remaja. Oleh itu, kajian ini ingin meneliti secara lebih mendalam hubungan antara kompetensi jurulatih dengan prestasi pemain pasukan bawah 16 tahun MSSM Kedah.

Meskipun prestasi pasukan bawah 18 tahun MSSM Kedah menjadi indikator utama kelemahan pembangunan pemain dalam mengaplikasi DNA Bola Sepak Malaysia, kajian ini memberi fokus kepada kumpulan pemain bawah 16 tahun kerana mereka berada pada fasa pembangunan kritikal. Fasa ini, yang merupakan fasa ke-3 dalam peringkat pembangunan pemain, menjadi umur terakhir dalam proses latihan permainan berdasarkan dokumen DNA bola sepak Malaysia. Sebarang kekurangan dari aspek kejurulatihan pada peringkat ini berpotensi memberi kesan jangka panjang





terhadap prestasi pasukan di peringkat lebih tinggi. Oleh itu, pemilihan pasukan bawah 16 tahun adalah strategik untuk mengenal pasti keberkesanan jurulatih dalam mengaplikasi DNA bola sepak Malaysia dengan kompetensi yang ada pada jurulatih.

Program pembangunan bola sepak negara akan berpandukan kepada DNA Bola Sepak Malaysia yang dibentuk dengan mengambil kira cara terbaik yang perlu diamalkan dalam menggilap bakat pemain muda. Antara matlamat jangka pendek ialah untuk melayakkan diri ke kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun namun gagal layak ke Kejohanan Piala Dunia Remaja 2020. Oleh itu, tugas berat menanti jurulatih akar umbi dengan kompetensi yang dimiliki oleh jurulatih-jurulatih akar umbi.

Walaupun DNA Bola Sepak Malaysia telah dibangunkan sebagai satu garis panduan komprehensif bagi pembangunan pemain bola sepak remaja negara, pelaksanaannya di peringkat akar umbi seperti pasukan MSSM bawah 16 tahun masih berdepan pelbagai cabaran. Antara isu utama ialah keterbatasan pengetahuan jurulatih terhadap kandungan dan prinsip DNA tersebut, serta kekangan dalam mengakses sumber latihan berkualiti yang selaras dengan pendekatan saintifik pembangunan pemain.

Kajian sebelum ini mendapati bahawa terdapat jurang yang ketara antara dasar pembangunan yang dirancang oleh pihak atasan (FAM dan NFDP) dan amalan sebenar di lapangan (Nadzalan, Yusuf dan Muhamad, 2017). Jurulatih yang terlibat dalam pembangunan pemain remaja memerlukan pengetahuan khusus yang merangkumi aspek teknikal, taktikal, fizikal, psikologi dan sosial (Pill, 2018), namun masih ramai





yang mengamalkan pendekatan tradisional berbanding pendekatan holistik yang disarankan oleh DNA Bola Sepak Malaysia.

Menurut Buchheit (2021) jurulatih perlu mempunyai peranan penting dalam proses membuat keputusan latihan, dan lebih penting lagi mempunyai kemahiran dan pengetahuan tentang sukan untuk dapat menawarkan strategi berubah-ubah berkaitan dengan keperluan fizikal, taktikal, keutamaan jurulatih, masa dan bilangan pemain yang ada. Ini penting kerana walaupun adalah perkara biasa. Walau bagaimanapun, bukan sahaja jurulatih perlu menggunakan pelbagai pengetahuan, adalah penting bahawa pengetahuan yang ada disokong oleh asas bukti yang kukuh (Stoszkowski, 2020). Pernyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Cushion (2021) perlu pertimbangan pengetahuan apa yang dipelajari oleh jurulatih.



Jurulatih sukan di peringkat sekolah di Malaysia belum mencapai tahap yang diharapkan (Karim, & Nadzalan, 2018). Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan jurulatih muda tidak mempunyai ilmu kejurulatihan yang mencukupi (Karim, 2016). Isu ini akan berlanjutan jika asas kejurulatihan tidak mencukupi, bagaimana ia diharapkan untuk menjadi pemimpin dalam pasukan sukan? Hal ini akan menimbulkan beberapa isu lain seperti kompetensi dalam mengamalkan gaya kepimpinan yang sesuai dan berkesan untuk dipraktikkan dalam bidang sukan supaya kepimpinan mereka dapat melonjakkan prestasi dan imej sukan tersebut. Untuk dilihat sebagai seorang jurulatih yang kompeten, ramai jurulatih sepenuh masa atau separuh masa yang menginginkan kejayaan segera akan menggunakan gaya kepimpinan jurulatih autokratik tanpa memikirkan kesesuaian gaya tersebut terhadap emosi dan prestasi pemain di bawah seliannya (Karim, 2016).





DNA Bola Sepak Malaysia telah memperkenalkan struktur latihan berasaskan fasa pembangunan, jurulatih di peringkat akar umbi masih tidak konsisten dalam mengaplikasikan pendekatan latihan yang disarankan. Hal ini berpunca daripada kekebunan terhadap konsep dan struktur latihan dalam DNA, kekurangan pendedahan terhadap *game-based coaching*, serta kecenderungan jurulatih menggunakan latihan berasaskan pengulangan teknik secara tradisional.

Menurut Mohd Salleh, Rozali, dan Baharudin (2020), kebanyakan jurulatih kurang memahami pendekatan latihan berpusatkan pemain seperti *Teaching Games for Understanding (TGfU)* dan masih mengamalkan latihan berasaskan arahan langsung. Pendekatan ini tidak selari dengan kehendak DNA, yang menekankan pembangunan pemain secara holistik dalam konteks permainan sebenar.



Selain itu, para pemain remaja juga sangat memerlukan jurulatih yang sentiasa memahami keperluan mereka sebagai remaja yang sedang membesar (Ahmad, Ismail dan Mohd Noor, 2020). Ini berbeza dengan pemain dewasa di mana mereka boleh membuat keputusan sendiri berbanding pemain remaja yang sentiasa memerlukan bimbingan dan dorongan daripada jurulatih dan ibu bapa (Gomez, Garcia dan Martinez, 2019). Ketidakpastian gaya kepimpinan yang sesuai untuk mereka ketika berlatih menyebabkan pemain hilang motivasi dan orientasi pencapaian sekaligus menghalang prestasi mereka untuk meningkat (Habibie, 2017).

Menurut Ozturk dan Arikian (2020) menyatakan bahawa terdapat perbezaan kognitif mengikut tahap umur, pemain akar umbi mengambil tempoh masa yang lama untuk membuat keputusan. Tambahan pula, semasa perlawanan sesetengah pemain





tidak tahu apa yang perlu dilakukan sewaktu perlawanan, sebagai contoh pemain lambat untuk membuat keputusan apabila menerima bola. Penemuan telah mendedahkan bentuk latihan yang baik akan menyumbang kepada prestasi pemain yang diterajui jurulatih (Güllich, 2021).

Ia bertentangan dengan DNA bola sepak Malaysia di mana memerlukan pemain proaktif dan reaktif terhadap perkara yang berlaku sewaktu permainan bola sepak. Presiden Persatuan Jurulatih Bola sepak Malaysia (PJBMS) B Sathianathan dalam pernyataannya menegaskan “Corak latihan akar umbi di akademi, sekolah perlu di ubah” memetik melalui berita harian yang bertarikh pada 12 Oktober 2021. Menurutnya corak permainan lama sudah tidak boleh diguna pakai kerana sekarang ini kita nampak kepantasan dan kemahiran dari aspek mengawal bola.



Bagi jurulatih pula mereka mempunyai peranan untuk membangunkan program kejurulatihan bagi membimbing mereka melaksanakan tugas melatih berdasarkan kepercayaan peribadi, nilai, sikap dan prinsip (Chu dan Tao, 2019). Jurulatih akan berusaha sedaya-upaya menyediakan program latihan bagi membolehkan pemain memperoleh kejayaan maksimum (Fatemeh, Rahim, Mohamad dan Anoushiravan, 2010).

Pelan strategik pembangunan pemain bola sepak negara yang berstruktur dan menyeluruh, pelaksanaannya di peringkat akar umbi masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Antara faktor utama ialah cabaran yang dihadapi oleh jurulatih pembangunan, yang secara langsung memberi kesan kepada pencapaian pemain dari aspek teknikal, taktikal, fizikal dan psikososial.





Menurut kajian oleh Nadzalan et al. (2017), jurulatih sering kali terperangkap antara matlamat pembangunan jangka panjang dan keperluan untuk mencapai keputusan segera dalam pertandingan. Di samping itu, kekangan sumber, latihan profesional yang terhad dan pemahaman yang cetek terhadap DNA menyebabkan jurulatih sukar untuk menterjemahkan prinsip DNA ke dalam sesi latihan harian.

Menurut Bachan, Reilly dan Weid (2011), jurulatih banyak berdepan cabaran dan dugaan semasa membimbing sesebuah pasukan terutamanya ketika pasukan yang dibimbing berada pada kedudukan tercorot. Kajian Elaad, Jelnov, dan Kantor (2017) mendedahkan, kebanyakan jurulatih biasanya dipecat apabila pasukan mereka menghadapi beberapa kekalahan. Surujal dan Nguyen (2011) menyatakan bahawa jurulatih bola sepak menghadapi cabaran, mengalami kekecewaan, konflik dan ketegangan yang kadangkala dapat melunturkan semangat seseorang jurulatih.

Selain itu, berdasarkan penyelidikan Sympas dan Bekiari (2018) mendapati jurulatih yang agresif di dalam percakapan mereka boleh menjejaskan matlamat pemain dan pemain semasa bersukan. Begitu juga dengan kajian oleh Rasyid, Aziz dan Tengah (2020) yang menyatakan jika pemain dan pemain tidak seronok dan tertekan ketika bersukan ianya akan mengakibatkan mereka hilang tumpuan dan matlamat untuk bersukan. Kajian oleh Keatlholetswe dan Maleté (2019), Vasileva dan Peltekova (2019) dan Naseer, Ahmad dan Khan (2020) mendapati pertimbangan situasi dan sokongan sosial mempunyai pengaruh yang signifikan kepada prestasi pemain.

Kajian oleh Amaluddin dan Rosnizam (2020) mendapati bahawa persekitaran kerja yang kondusif dan tersusun memberi kesan yang signifikan terhadap kepuasan





kerja jurulatih. Tambahan pula, Fakrul dan Khairul Anuar (2021) menyatakan bahawa beban tugas pentadbiran yang tidak terkawal sering mengganggu tumpuan jurulatih terhadap sesi latihan, seterusnya menjejaskan prestasi atlet yang dibimbing. Masalah yang dihadapi seperti ini amat berkait rapat dengan kompetensi pengurusan (Wahid, Ahmad, Hadi, Samsudin & Othman, 2014).

Walaupun terdapat banyak pendekatan dan strategi yang berkesan, kejurulatihan bola sepak juga menghadapi pelbagai cabaran. Menurut kajian oleh McCarthy McCarthy, Fletcher dan Kelleher, (2019), jurulatih seringkali terpaksa berhadapan dengan tekanan daripada pihak pengurusan, media, dan peminat. Ini memerlukan jurulatih mempunyai kemahiran pengurusan stres dan kebolehan untuk menyesuaikan diri dengan situasi yang berubah-ubah.



Wahid et al., (2014) menyarankan untuk menjadi individu yang berdaya saing, mereka perlu memiliki kemahiran pengurusan diri berasaskan kompetensi yang baik tanpa mengira latar belakang yang dimiliki. Walau bagaimanapun, jurulatih harus melihat dari sudut positif kerjaya sebagai jurulatih memerlukan komitmen yang tinggi, menarik dan menyeronokkan (McLean, Mallet & Newcombe, 2012)

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, penyelidik ingin mengkaji dan mengenalpasti cabaran yang terdapat dalam kalangan pemain dalam mengaplikasikan DNA Bola Sepak Malaysia. Berdasarkan pernyataan masalah di atas mungkin terdapat cabaran yang dihadapi oleh jurulatih dalam menerapkan DNA Bola Sepak Malaysia dalam program pembangunan. Oleh itu, penyelidik perlu mengenal pasti cabaran yang mempengaruhi keberkesanan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia.





Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia terhadap prestasi pemain bola sepak lelaki bawah 16 tahun MSSM Kedah. Sekiranya dapatan kajian menunjukkan bahawa prestasi pemain berada pada tahap yang kurang memuaskan dan pengaplikasian DNA Bola Sepak Malaysia masih lemah atau tidak konsisten, maka langkah intervensi perlu diambil segera. Ini termasuk keperluan untuk membangunkan satu model yang lebih sistematik, berstruktur, dan berasaskan prinsip DNA Bola Sepak Malaysia. Model ini diharap dapat menjadi rujukan kepada jurulatih, pengurus pasukan, dan pihak berkepentingan dalam merancang latihan yang bersesuaian dengan keperluan pemain di peringkat pembangunan.



1.4 **Objektif Kajian**



Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia terhadap prestasi pemain bola sepak bawah 16 tahun MSSM Kedah. Selain itu, terdapat objektif khusus di dalam kajian ini iaitu:

- i. Menenalpasti pengetahuan serta sumber pengetahuan jurulatih yang digunakan dalam latihan pembangunan bola sepak bawah 16 MSSM Kedah dalam mengaplikasi DNA Bola Sepak Malaysia.
- ii. Menenalpasti bentuk latihan yang digunakan jurulatih semasa melatih pemain dalam mengaplikasi DNA Bola Sepak Malaysia.
- iii. Menenalpasti cabaran yang dihadapi oleh jurulatih dan pemain dalam program pembangunan yang mempengaruhi pencapaian pemain selaras dengan DNA Bola Sepak Malaysia.



- iv. Membangunkan model kejurulatihan dalam mengaplikasi DNA Bola Sepak Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Beradsarkan tujuan di atas, kajian ini dijalankan untuk mencari persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah pengetahuan dan sumber pengetahuan jurulatih yang digunakan dalam latihan pembangunan bola sepak bawah 16 MSSM Kedah dalam mengaplikasi DNA Bola Sepak Malaysia?
- ii. Bagaimanakah bentuk latihan yang digunakan jurulatih semasa melatih pemain dalam mengaplikasi DNA Bola Sepak Malaysia?
- iii. Apakah cabaran yang dihadapi jurulatih program pembangunan untuk mempengaruhi pencapaian pemain terhadap DNA bola sepak Malaysia?
- iv. Apakah model kejurulatihan dalam mengaplikasi DNA Bola Sepak Malaysia?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian


Menurut Ghazali dan Sufean (2016) menyatakan kerangka konseptual kajian berbentuk grafik yang boleh menunjukkan tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah, konstruk atau hubungan yang terlibat dalam kajian, di mana struktur ini boleh menerangkan tentang fenomena kajian, berkait dengan konsep, kajian-kajian yang empirikal (tinjauan literatur), teori-teori yang menyumbang kepada pengetahuan baru, dapat menerangkan



tentang bagaimana kajian boleh di dalam, melihat masalah dan konsep dalam kajian tersebut dengan mudah (Adom, Hussein, & Agyem, 2018).

Terdapat beberapa jenis kerangka konseptual kajian yang boleh digunakan (Ghazali & Sufean, 2016) namun penyelidik harus benar-benar memilih jenis kerangka konseptual kajian yang selari dengan objektif kajian yang akan dijalankan. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan Kerangka Konseptual Kajian seperti yang terdapat dalam rajah 1.1.



Rajah 1.1*Kerangka Konseptual Kajian*

Terdapat 4 fasa dalam kerangka konseptual kajian ini. Fasa 1 bagi menjawab persoalan satu, dua, ketiga dan keempat dalam penyelidikan ini. Dalam fasa 1 penyelidik akan melakukan kajian kualitatif temu bual separa struktur, analisis dokumen dan pemerhatian untuk menjawab persoalan pengetahuan dan sumber pengetahuan jurulatih yang digunakan semasa melatih pemain.



Fasa berikutnya untuk membangunkan instrumen soal selidik berpandukan data kualitatif yang diperolehi. Fasa ini untuk menjawab persoalan yang kedua iaitu pendekatan bentuk latihan yang digunakan jurulatih terhadap pemain. Kaedah soal selidik terhadap pemain akan digunakan untuk menjawab persoalan yang kedua di dalam fasa yang ketiga dalam kajian kuantitatif.

Fasa terakhir ialah fasa interpretasi data kualitatif dan kuantitatif bagi menjawab persoalan yang keempat dalam kajian ini. Kaedah temu bual dan soal selidik terhadap pemain akan digunakan dalam fasa ini untuk membentuk model aplikasi DNA bola sepak. Kegagalan dan kejayaan kajian ini akan dinilai melalui fasa-fasa ini. Sebagai rumusan, dapatlah disimpulkan bahawa pemilihan dan penggunaan kerangka konseptual yang betul dapat memandu penyelidik untuk melaksanakan kajiannya.



1.7 Kepentingan Kajian

Antara beberapa kepentingan kajian ini adalah:

- i. Memberi sumbangan kepada ilmu (*body to the knowledge*) bidang kejurulatihan, bola sepak, Sains Sukan dan pendidikan.
- ii. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), PelanPembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), *Asian Football Confederation* (AFC) dan Persatuan Jurulatih Bola Sepak Malaysia (PJBM) boleh menggunakan hasil dapatan ini untuk membantu guru/jurulatih bola sepak peringkat sekolah untuk melatih pasukan bola sepak mereka.





- iii. Membantu jurulatih tentang aspek-aspek yang diperlukan dalam meningkatkan keupayaan mereka sebagai seorang jurulatih untuk meningkatkan prestasi pemain.
- iv. Memberi maklumat tentang sistem acuan bola sepak negara berdasarkan DNA Bola Sepak Malaysia kita supaya negara kita dapat bersaing dengan gergasi bola sepak pada masa hadapan amnya.

Dapat memberitahu guru atau jurulatih bola sepak betapa pentingnya pengetahuan kejurulatihan yang dapat membantu untuk melatih pasukan bola sepak mereka.

1.8 Batasan Kajian



Berikut merupakan limitasi yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu:

- i. Kajian ini terhad kepada jurulatih bola sepak dan murid yang bersekolah di bawah Jabatan Pelajaran Kedah sahaja.
- ii. Kajian ini terhad kepada 12 orang guru/jurulatih bola sepak yang terlibat sebagai sampel kualitatif. Namun, bilangan sampel kualitatif akan ditambah sehingga maklumat yang diperoleh oleh pengkaji tepu.
- iii. Kajian ini hanya memberi fokus kepada aspek kesan jangka masa panjang tentang keberkesanan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia terhadap prestasi pemain bola sepak bawah 16 tahun MSSM Kedah.
- iv. Kajian hanya menumpukan kepada pemain bola sepak bawah 16 tahun MSSM Kedah.





Kajian ini akan dijalankan di sekitar Kedah memandangkan penyelidik merupakan seorang yang terlibat dengan bidang kejurulatihan di Kedah. Penyelidik akan menguraikan data – data dan maklumat yang berkaitan pasukan bola sepak di Kedah.

1.9 Definisi Operasional

Kajian ini mempunyai definisi operasional seperti berikut:

1. Cecilia dan Nai Chi (2019) mendefinisi kompetensi kepada dua aspek iaitu aspek kemahiran generik seperti pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, aspek kedua nilai positif dan sikap seperti ketahanan dan penghargaan untuk orang lain yang penting untuk pembelajaran dan perkembangan insan.
2. Kompetensi jurulatih membawa maksud kemampuan atau kemahiran jurulatih dalam mengendalikan latihan, perlawanan, pengurusan dan pengetahuan kejurulatihan bola sepak. Kompetensi jurulatih ialah secara konsep terbahagi kepada tiga bahagian utama, iaitu sikap (afektif), pengetahuan (kognitif), dan kemahiran (psikomotor) (Ujang Rohman dan Hari Setijono 2017).
3. Menurut Jarosz (2023), keberkesanan kejurulatihan merujuk kepada sejauh mana jurulatih mencapai hasil yang diinginkan melalui aplikasi konsisten pengetahuan profesional, interpersonal, dan intrapersonal. Ini melibatkan pencapaian objektif pembangunan atlet seperti peningkatan kompetensi, keyakinan, hubungan, dan karakter dalam konteks kejurulatihan tertentu.



4. Menurut Nelson, Groom, dan Potrac (2016), aplikasi dalam kejurulatihan sukan merujuk kepada penggunaan teori dan pengetahuan secara praktikal dalam situasi sebenar untuk meningkatkan prestasi atlet. Ini melibatkan penerapan strategi pembelajaran, pendekatan pedagogi, dan interaksi sosial yang sesuai dengan konteks latihan dan pertandingan.
5. DNA ialah molekul kompleks yang mengandungi semua maklumat yang diperlukan untuk membina dan mengekalkan organisma. Semua makhluk hidup mempunyai DNA dalam sel mereka. Malah, hampir setiap sel dalam organisma multiselular mempunyai set lengkap DNA yang diperlukan untuk organisma itu (*National Human Genom Research Institute, 2022*).
6. Berdasarkan dokumen DNA bola sepak Malaysia, DNA bola sepak Malaysia merupakan corak permainan mengikut acuan bola sepak negara untuk rujukan bagi semua pihak dalam memahaminya. Dalam pada itu, DNA Bola Sepak Malaysia ini turut dikenali sebagai 'The Malaysian Way' atau Cara Malaysia yang merangkumi kaedah permainan yang menitik beratkan etika kerja sepasukan, dengan menyerang secara teratur dan bertahan secara berpasukan bermula dari peringkat paling bawah hingga ke peringkat senior.F:30 (Roadmap) iaitu Peta hala tuju dengan tempoh 12 tahun itu dibahagi kepada tiga pelan strategik, iaitu fasa pertama dari tahun 2019 hingga 2022 untuk membina asas yang kukuh dari sudut tadbir urus, pertandingan dan pembangunan modal insan serta infrastruktur, disusuli fasa kedua (2023-2026) mencapai peringkat Asia, disudahi fasa ketiga (2027-2030) bertujuan melahirkan sebuah pasukan kebangsaan yang mencecah taraf dunia.

7. Menurut kajian oleh Li, Whang, Zhang dan Chen (2024), prestasi pemain merujuk kepada kemampuan atlet untuk menunjukkan kemahiran dan kecekapan dalam sukan tertentu, dengan mempertimbangkan pelbagai faktor fizikal, mental, dan persekitaran. Prestasi ini melibatkan kecergasan fizikal keseluruhan atlet, kebolehan teknikal, ketahanan mental, dan pemahaman taktikal terhadap permainan.
8. Menurut Weinberg dan Gould (2015) jurulatih sukan diiktiraf sebagai pemimpin penting dalam sukan. Peranan kepimpinan mereka juga dianggap sangat pelbagai. Peranan ini merangkumi penyediaan latihan dan arahan, pengajaran taktik dan strategi khusus sukan, memotivasikan pemain semasa latihan dan pertandingan, memupuk komunikasi terbuka antara pemain, dan mewujudkan persekitaran sukan yang kondusif untuk meningkatkan

9. Menurut kajian oleh Wadsworth, McEwan dan Smith (2024), prestasi sukan merangkumi pelaksanaan tugas fizikal atau sukan oleh atlet, yang ditentukan oleh gabungan kemahiran fizikal, psikologi, teknikal, dan taktikal. Faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana atlet dapat melaksanakan tugas atau sukan tertentu dengan berkesan.

1.10 Rmusan

keberkesanan aplikasi DNA Bola Sepak Malaysia bergantung kepada jurulatih dalam membentuk sistem kejurulatihan dalam pembangunan bola sepak untuk memberi kesan kepada DNA Bola Sepak Malaysia. Dalam sukan bola sepak minat murid sahaja tidak



mencukupi untuk menjadi seorang pemain yang berkualiti dari segi teknikal mahupun taktikal tetapi keupayaan jurulatih dalam memberi bimbingan dari segala aspek amat diperlukan terutama terhadap DNA Bola Sepak Malaysia.

